

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 418 – Kewangan Antarabangsa**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan B. Jawapan hendaklah dibuat di ruang yang disediakan.

Pilih DUA soalan Bahagian C. Jawapan Bahagian C hendaklah dibuat di dalam buku jawapan yang disediakan.

Serahkan keseluruhan kertas soalan ini beserta buku jawapan masing-masing. JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI. JIKA TERDAPAT MANA-MANA MUKA SURAT YANG HILANG, MARKAH AKAN DIPOTONG.

IKAT KEDUA-DUA BUKU SOALAN DAN BUKU JAWAPAN ANDA.

**BAHAGIAN A (SOALAN 1)****[20 MARKAH]****Jawab di atas Borang Jawapan yang terdapat di akhir Bahagian ini.**

1. Yang manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan aliran keluar masuk wang ke sesebuah negara?
  - A. Perdagangan barangan dan perkhidmatan.
  - B. Bantuan kemanusiaan.
  - C. Pelaburan langsung asing.
  - D. Pulangan pelaburan.
  - E. Perdagangan luar pantai (off-shore trading)
  
2. Rizab bank pusat berperanan untuk menampung lebihan/kurangan imbangan keseluruhan dan \_\_\_\_\_
  - A. membayar pelabur asing.
  - B. memberi keyakinan kepada negara rakan dagangan keupayaan negara membayar eksport mereka.
  - C. membayar hutang negara.
  - D. sumber pendapatan negara.
  - E. sumber pembiayaan kerajaan..
  
3. Yang manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan imbangan pembayaran?
  - A. Imbangan Dagangan
  - B. Imbangan Keseluruhan
  - C. Akaun Semasa
  - D. Akaun Perimbangan
  - E. Akaun Susut Nilai
  
4. Yang manakah daripada berikut TIDAK menunjukkan kadar tukaran pancang terlaras?
  - A. ular dalam terowong.
  - B. margin 1% ke atas dan ke bawah.
  - C. "pegging" ala Malaysia.
  - D. Sistem Bretton Woods
  - E. Standard emas

5. Apakah faktor yang menggagalkan Sistem Standard Emas.
- A. Keengganan masyarakat antarabangsa untuk kembali kepada pariti kadar pertukaran sebelum perang dunia pertama.
  - B. Tekanan keatas dolar US yang menyebabkan kerajaan Amerika Syarikat terpaksa meminda keboleh-ubahan kadar pertukaran matawangnya dengan matawang negara-negara lain.
  - C. Keujudan Tabung Kewangan Antarabangsa.
  - D. Masyarakat antarabangsa ingin melaksanakan kadar tukaran bebas melalui Sistem Bretton Wood.
  - E. Kemelesetan ekonomi yang melanda dunia pada antara tahun 1930-1933.
6. Manakah daripada berikut TIDAK merujuk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengan sistem pertukaran asing antarabangsa.
- A. Sistem Bretton Woods
  - B. Perjanjian Smithsonian
  - C. Jamaica Accord
  - D. Perjanjian Plaza
  - E. Perjanjian Maastricht.
7. Yang manakah menerangkan tentang kadar tukaran diskaun.
- A. Kadar hadapan yang lebih rendah daripada kadar semerta.
  - B. Kadar hadapan yang lebih tinggi daripada kadar semerta.
  - C. Kadar yang dipersetujui semasa perjanjian dibuat.
  - D. Dikenali juga sebagai kadar kontrak hadapan
  - E. Dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran semasa.
8. Risiko kadar tukaran asing merujuk kepada
- A. risiko kemungkinan kadar pertukaran masa hadapan berubah.
  - B. risiko kemungkinan kadar pertukaran masa hadapan tetap.
  - C. risiko kemungkinan rizab sesebuah negara tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pertukaran asing.
  - D. risiko kontrak untuk membekalkan tukaran asing pada masa hadapan tidak dapat dipenuhi.
  - E. Tiada satu daripada diatas.
9. Hedging merujuk kepada tindakan
- A. menaikkan nilai.
  - B. menurunkan nilai.
  - C. mengekalkan nilai.
  - D. melindungi nilai.
  - E. menyelaraskan nilai.

10. Manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan Keluk-J?
- A. Kesan proses devaluasi.
  - B. Dalam jangka pendek, devaluasi merugikan; dalam jangka panjang menguntungkan.
  - C. Dalam jangka pendek devaluasi menguntungkan; dalam jangka panjang merugikan.
  - D. Timbul kerana kontrak pembekalan barangan telah dibuat sebelum devaluasi dilakukan.
  - E. Imbangan pembayaran akan bertambah buruk pada mulanya sebelum pulih selepas seketika.
11. Manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan pariti kuasa beli.
- A. Harga disemua pasaran seharusnya sama.
  - B. Perbezaan harga disebabkan oleh perbezaan inflasi.
  - C. Kadar bunga disemua pasaran seharusnya sama.
  - D. Perbezaan kadar bunga akan mempengaruhi aliran modal jangka pendek.
  - E. Premium kadar pertukaran yang harus ditanggung terlalu tinggi untuk memastikan kadar pertukaran adalah sama.
12. Pelarasan kadar pertukaran tetap terdiri daripada pelarasan harga, pelarasan kadar bunga dan \_\_\_\_\_
- A. Pelarasan pendapatan.
  - B. Pelarasan kadar pertukaran.
  - C. Pelarasan akaun modal.
  - D. Pelarasan rizab matawang asing.
  - E. Pelarasan neo-klasik.
13. Arbitraj merujuk kepada
- A. membeli matawang asing pada kadar tinggi dan menjual pada kadar rendah
  - B. membeli matawang asing pada kadar rendah dan menjual pada kadar tinggi.
  - C. proses mengekalkan perbezaan harga jual dan harga beli agar sentiasa sama sepanjang masa.
  - D. perbezaan harga jual dan harga beli matawang asing.
  - E. mengukur kuasa beli matawang tempatan.

14. Jika US\$0.5561/DM bersamaan dengan US\$1.6650/£, maka kadar pertukaran £/DM ialah:
- A. £0.2340/DM
  - B. £0.3340/DM
  - C. £0.4340/DM
  - D. £0.5340/DM
  - E. £0.6340/DM
15. Kadar pertukaran yang anda kira dalam soalan 14 diatas merujuk kepada:
- A. kadar hadapan.
  - B. kadar benar.
  - C. kadar silang.
  - D. kadar berkesan.
  - E. pariti kuasa beli.
16. Jika pariti kuasa beli lebih besar daripada satu ( $PPP > 1$ ), maka ini bermakna
- A. penggunaan barangan import tidak bergantung kepada harga relatif.
  - B. negara lebih banyak menggunakan barangan tempatan.
  - C. negara lebih cenderung mengimport barangan luar negara.
  - D. harga diluar lebih rendah.
  - E. harga diluar sama dengan harga dalam negara.
17. Keluk BP mendatar bermaksud
- A. mobiliti modal tidak sempurna.
  - B. mobiliti modal sempurna.
  - C. mobiliti modal malar.
  - D. berlaku aliran keluar modal.
  - E. berlaku aliran masuk modal.
18. Berdasarkan Syarat Marshal-Lerner, devaluasi akan berjaya jika
- A. keanjalan import dan eksport kurang daripada satu.
  - B. keanjalan import dan eksport lebih daripada satu.
  - C. keanjalan import dan eksport sama dengan satu.
  - D. keanjalan import dan eksport sama dengan satu dimana keanjalan import lebih daripada keanjalan eksport.
  - E. keanjalan import dan eksport sama dengan satu dimana keanjalan import kurang daripada keanjalan eksport.

19. Kadar serapan merujuk kepada
- A. penggunaan individu dalam negara.
  - B. penggunaan masyarakat dalam negara.
  - C. penggunaan sesebuah negara keatas barangan keluaran negara tersebut.
  - D. penggunaan sesebuah negara keatas barangan keluaran negara serta barangan import.
  - E. selisih jumlah penggunaan sesebuah negara keatas barangan keluaran negara dan barangan import.
20. Rizab matawang asing sesebuah negara dikawal oleh bank pusat. Berikut ialah peranan-peranan lain bank pusat KECUALI.
- A. Mengeluar dan mengawal bekalan wang
  - B. Bank kepada kerajaan
  - C. Bank kepada bank perdagangan
  - D. Menyimpan stok matawang asing.
  - E. Mengawal imbalan pembayaran sesebuah negara.

**BORANG JAWAPAN BAHAGIAN A**  
**JANGAN DICERAIKAN HELAIAN INI**

1.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
2.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
3.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
4.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
5.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
6.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
7.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
8.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
9.       = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
10.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
11.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
12.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
13.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
14.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
15.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
16.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
17.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
18.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
19.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =
20.      = A =       = B =       = C =       = D =       = E =

## BAHAGIAN B (SOALAN 2)

[40 MARKAH]

Jawab di dalam ruang yang disediakan sahaja.

1 Apakah yang dimaksudkan dengan kadar pertukaran terapung terkawal?	3 markah
2 Perhatikan senario ini.  <i>Kerajaan melaksanakan dasar kewangan berkembang iaitu menambah bekalan wang dalam ekonomi. Kesannya, kadar bunga jatuh yang menyebabkan aliran modal masuk (aliran wang masuk) bertambah. Tetapi pada masa yang sama, dasar kewangan berkembang meningkatkan pendapatan dan peningkatan pendapatan meningkatkan import (aliran wang keluar)</i>  Lukiskan rajah yang sesuai (IS-LM-BP) bagi menggambarkan senario tersebut.	3 markah



3. Bezakan imbangan pembayaran dan imbangan perdagangan	2 markah
4. Apakah maksud a. depresiasi  b. devaluasi  c. apresiasi  d. revaluasi	4 markah
5. Mengapakah kerajaan menetapkan kadar pertukaran tetap pada paras yang lebih rendah daripada paras keseimbangan (persilangan keluk permintaan dan penawaran asing)	4 markah

6. Berdasarkan konsep kesetaraan kuasa beli, jika sekiranya inflasi di Malaysia lebih tinggi daripada inflasi di Fiji, apakah yang harus dilakukan keatas nilai matawang Malaysia.	2 markah
7. Berikan dua kesan jika kadar bunga tempatan lebih tinggi dari kadar bunga luar negara.  a.  b.	2 markah
8. Apakah yang dimaksudkan dengan pasaran hadapan pertukaran asing?	2 markah
9. Mengapakah wujudnya pasaran hadapan pertukaran asing?	3 markah

10. Terangkan dengan ringkas hubung-kait permintaan dan penawaran tukaran asing dengan import dan eksport.	4 markah
11. Senaraikan 4 alat pertukaran asing (huraian tidak diperlukan)  a.  b.  c.  d.	2 markah
12. Apakah yang dimaksudkan dengan rizab bank pusat?	3 markah

13 Apakah yang ditunjukkan oleh keluk BP?	2 markah
14 Bezakan dengan ringkas sistem standard emas dan sistem Bretton Woods.	4 markah

**BAHAGIAN C (SOALAN 3 – 5)****[40 MARKAH]****Pilih DUA soalan sahaja.****Setiap soalan menyumbangkan 20 markah.  
Jawab di atas buku jawapan yang disediakan.**

3. Bincangkan dengan bantuan gambar rajah (dimana perlu)
- (a) pelaksanaan kadar tukaran tetap [6 markah]
  - (b) penentuan kadar tukaran dalam sistem tukaran terapung. [6 markah]
  - (c) 2 kelebihan kadar tukaran terapung [8 markah]
4. (a) Jelaskan hubungan akaun semasa dan pendapatan negara [5 markah]
- (b) Jelaskan bagaimanakah tabungan swasta (S – I) dan tabungan awam (T - G) diguna bagi membiayai perdagangan antarabangsa (X – M). [10 markah]
- (c) Perincikan butiran yang terdapat dalam akaun semasa. [5 markah]
5. (a) Perhatikan petikan daripada jadual imbalan pembayaran berikut.

	<i>Butiran</i>	<i>1997</i>	<i>2000</i>
1	Import dan Eksport Barangan (bersih)	10274	79948
2	Import dan Eksport Perkhidmatan (bersih)	-22795	-40569
<b>Imbalan Barangan dan Perkhidmatan</b>		<b>-12521</b>	<b>39379</b>

Pada bulan Sept. 1997, kerajaan mengikat (*pegging*) matawang Malaysia kepada dolar US pada kadar US\$1 = RM3.80. Terangkan bagaimanakah *pegging* tersebut memulihkan Imbalan Barangan dan Perkhidmatan Malaysia pada tahun 2000. [12 markah]

- (b) Bagaimanakah pelarasan harga dalam kadar tukaran tetap dilaksanakan. [8 markah]